

Motif dipercayai berkawan dengan isteri orang

Belasah, tinggal duda dalam longkang

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

KOTA BHARU – Seorang mekanik ditemui tidak sedarkan diri selepas dibelasah sehingga parah sebelum ditinggalkan di dalam longkang berhampiran bulatan Chempaka, Pengkalan Chepa di sini pada Ahad lalu.

Ketika ditemui, duda berusia 59 tahun dan berasal dari Bachok itu memakai kemeja dan berkain pelekat.

Dalam kejadian pukul 10.30 malam itu, bapa kepada tiga anak tersebut bukan sahaja dipukul, malah cermin keretanya turut dipecahkan oleh suspek lebih daripada seorang.

Motif serangan dipercayai kerana mangsa berkawan dengan isteri orang. Suspek mencederakan mangsa dengan menggunakan tukul besi.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd. Rosdi Daud berkata, susulan kejadian itu, pihaknya memberkas empat individu termasuk dua wanita bagi membantu siasatan tersebut.

“Mereka yang berusia 28, 31, dan 35 tahun ditahan semalam (kelmarin).

“Mangsa dipercayai dibelasah selepas berlaku insiden yang mengakibatkan salah seorang suspek tidak berpuas hati dengan lelaki itu,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Rosdi, ketika ditemui 30 minit kemudian, bahagian belakang kepala mangsa cedera. Lelaki itu masih tidak sedarkan diri dan menggunakan alat bantuan pernafasan di Hospital Raja Perempuan Zainab II.

“Semakan mendapati dua suspek lelaki yang ditahan mumpu-



TANGKAP layar video tular memaparkan mangsa ditemui dalam longkang selepas dibelasah sekumpulan lelaki di Kota Bharu pada Ahad lalu.

nyai empat rekod jenayah serta positif dadah jenis methamphetamine,” katanya.

Empat suspek tersebut direman selama tujuh hari bermula semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 326 dan Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Polis meminta orang ramai agar tidak membuat sebarang

spekulasi berhubung kejadian itu kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan.

Sebelum ini, tular satu rakaman video berdurasi 28 minit yang memaparkan seorang lelaki ditemui terbaring di dalam longkang dengan kesan kecederaan dipercayai akibat diserang sekumpulan pemuda.